

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS**  
**JOHNITY ONGKILI**  
**KAWASAN : KOTA MARUDU**  
**TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek Pan Borneo di Sabah. Fasa mana yang telah digantung pelaksanaannya dan setakat ini berapakah peruntukan yang telah digunapakai daripada bajet asal bagi Negeri Sabah.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Ahli Parlimen Ranau yang dijadualkan pada keesokan hari, 14 Mac 2019 memandangkan ia menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan status projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah Fasa 1 telah dibahagikan kepada 35 pakej kerja dengan anggaran jarak keseluruhan sepanjang 706 km. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, terdapat satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor pakej kerja berkenaan yang tidak memuaskan. Sehingga akhir Februari 2019, status kemajuan keseluruhan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah ialah 12.4% dengan melibatkan kos peruntukan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM 609 juta.

Bagi menjawab soalan dari Ahli Parlimen Ranau, pakej kerja Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah yang terlibat di kawasan Ranau ialah dari Ranau ke Kampung Nabutan, iaitu pakej kerja 35 (WP35) dengan anggaran jarak 31 km. Sehingga kini, pakej kerja ini masih belum ditender memandangkan penelitian ke atas reka bentuk masih dalam tindakan oleh juru perunding.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan isu hala tuju pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah pada masa kini sedang meneliti semula mekanisme pelaksanaan projek ini secara keseluruhan. Sehubungan

itu, penentuan berhubung hala tuju projek ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada akhir bulan Mac ini untuk pertimbangan Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih.